

EKUINAS SASAR PACU PELABURAN KEPADA RM600-RM650 JUTA TAHUNAN



Bernama Media – Mon, Apr 28, 2014

KUALA LUMPUR, 28 April (Bernama) -- Ekuinas Nasional Bhd (Ekuinas), syarikat ekuiti persendirian berkaitan kerajaan, menyasarkan untuk memacu kadar pelaburan kepada RM600 juta hingga RM650 juta setiap tahun.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Abdul Wahid Omar ketika mengumumkan keputusan 2013 Ekuinas hari ini, berkata syarikat itu melaksanakan sembilan pelaburan secara langsung dan menerusi penyumberan luar dengan modal komited sebanyak RM246.8 juta dalam tahun keempat operasinya sejak 2009.

"Ini termasuk tiga pelaburan langsung dan penyumberan luar dengan jumlah modal komited sebanyak RM121.1 juta, merangkumi pelaburan susulan dalam Integrated Food Group untuk mengembangkan rangkaian Burger King Malaysia dan dalam ILMU Education Group untuk perolehan APIIT Lanka Pvt Ltd, sebuah kolej swasta terkemuka di Sri Lanka.

"Ini termasuk pelaburan dalam PrimaBaguz Sdn Bhd, yang menyaksikan kemasukan Ekuinas ke dalam sektor pembuatan makanan," kata Abdul Wahid pada sidang media di sini.

Beliau berkata Program Penyumberan Luar Ekuinas juga berkembang pantas dengan enam pelaburan baharu bernilai RM210.3 juta, dilaksanakan oleh firma-firma ekuiti persendirian luaran di bawah program ini, yang mana sumbangan modal Ekuinas berjumlah RM125.7 juta.

Beliau berkata ini membawa jumlah pelaburan kumulatif yang telah dilaksanakan oleh Ekuinas sejak penubuhannya kepada 24 kesemuanya, pada nilai kira-kira RM1.8 bilion.

Abdul Wahid berkata Ekuinas, yang mempromosikan penyertaan ekonomi Bumiputera yang mampan melalui pembentukan satu generasi baharu syarikat peneraju pasaran Malaysia, akan melaksanakan penyenaraian syarikat portfolionya, Icon Offshore Bhd, di Bursa Malaysia pada akhir Jun tahun ini.

Icon Offshore, kini merupakan syarikat kapal sokongan luar pesisir 'pure-play' terbesar di Malaysia.

Sementara itu, Ekuinas mencapai prestasi kukuh bagi tahun kewangan 2013, dengan Dana Ekuinas Direct (Tranche 1) mencatat prestasi kukuh dengan pulangan

kasar portfolio sejumlah RM655.9 juta.

Ini bersamaan kepada kadar pulangan dalaman (IRR) kasar tahunan sebanyak 25.5 peratus dan IRR bersih tahunan sebanyak 20.4 peratus, melebihi sasaran pulangan jangka panjang minimum 12 peratus dan sasaran aspirasi 20 peratus.

-- BERNAMA

ANM CL NN NJ

04/28/2014 20:52ST

SPONSORED LINKS

- **[Turunkan Berat Badan 2014](#)**

paridahbeauty.com

1 Cara Pelik Digunakan Oleh Ramai Wanita Utk Menurunkan Berat Badan.

- **[Bursa Saham Malaysia](#)**

www.plus500.com.my/Malaysia

Labur Dalam Saham. Sebut Harga Masa CFDs - Modal anda berisiko

- **[Latihan Forex 1/1 percuma](#)**

iforex.my

Perolehi dari rumah labur € 100 dan berdagang 40000€
